

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 JANUARI 2016 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Jawatankuasa Kebangsaan tangani El Nino perlu diaktifkan semula	BERNAMA
2.	Jimat penggunaan air elak gangguan bekalan	Berita Harian
3.	Pakar diplomasi nuklear	Berita Harian
4.	El Nino: Telaga tiub atasi masalah bekalan air	BERNAMA
5.	Penduduk diminta minum banyak air	BERNAMA
6.	Penangites brace for El Nino heat	The Star
7.	Gempa sederhana landa Mindanao	BERNAMA
8.	Gempa bumi kuat landa Hokkaido, Jepun	BERNAMA



Jawatankuasa Kebangsaan Tangani El Nino Perlu Diaktifkan Semula

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Jawatankuasa Kebangsaan Bagi Menangani Fenomena El Nino perlu diaktifkan semula bagi memantau dan membuat persediaan awal untuk menghadapi situasi itu yang sedang berlaku di negara ini.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) S. Piarapakaran berkata jawatankuasa itu akan memastikan segala persediaan menghadapi fenomena El Nino dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

"Kalau **MOSTI (Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi)** rasa El Nino sudah terbentuk dan ia mungkin di tahap sederhana dan tinggi, jawatankuasa ini perlu diaktif semula untuk memantau dan juga memastikan kita sudah bersedia menghadapi fenomena El Nino ini.

"Kalau kita bersedia ketika impak (El Nino) kurang, kita tak rugi...kalau impaknya tinggi, mungkin kita boleh kurangkan impak tersebut kerana kita sudah bersedia..itu yang penting, daripada kita tunggu dan lihat sahaja kesannya sehingga menjadi lebih teruk," katanya kepada Bernama di sini.

Dalam pada itu, Piarapakaran berkata keadaan cuaca panas yang berlaku kini boleh menjangkau suhu lebih tinggi disebabkan faktor geografi ekoran litupan hutan semakin berkurangan ekoran aktiviti penggondolan hutan dan penarahan bukit untuk pembangunan.

"Jika El Nino berlaku pada tahap sama sekitar 90-an dahulu di mana ketika itu El Nino pernah mencecah 40.1 celsius pada 1998, kesannya tidak sama. Semasa itu kawasan litupan hutan kita masih banyak.

"Setelah hampir 20 tahun keadaan itu berlaku, El Nino kini kembali dikatakan 'kuat'. Ketika ini kita lihat banyak pembangunan dilakukan dan ia mengakibatkan banyak kawasan litupan hutan sudah tiada. Walaupun El Nino sama tahapnya seperti dahulu dijangka melanda kali ini, impaknya akan lebih besar berbanding 1997 dan 1998," katanya.

Beliau turut berkata sekiranya fenomena El Nino yang kuat berterusan sehingga tiba musim monsun barat daya, ia akan mempengaruhi kadar takungan empangan air di negara ini.

Ia disebabkan taburan hujan yang lebih rendah pada musim monsun barat daya apatah lagi ditambah pula dengan kesan El Nino, katanya.

Justeru, katanya pengalaman lalu ketika menghadapi fenomena El Nino pada 1997-1998 dan musim panas berpanjangan pada 2014, harus dijadikan iktibar dan negara perlu bersedia lebih awal bagi mengelak berlaku impak lebih besar.

"Sebab itu apa yang berlaku ketika El Nino sebelum ini, perlu diambil iktibar. Kita harus bersedia mengelak impak yang lebih besar.

"Ini perlu menjadi satu dasar kerajaan terutamanya bila Malaysia ingin menjadi negara maju...kita memang perlu bersedia sebab kita akan diteladani oleh negara-negara membangun," katanya.

Pada 9 Jan lepas, **Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Datuk Che Gayah Ismail** berkata intensiti hujan negara dijangka berkurangan antara 20 hingga 60 peratus bermula bulan ini, ekoran fenomena El Nino sedang melanda Malaysia pada masa ini.

Menurutnya tahap El Nino kini dikategorikan sebagai 'kuat' dan dijangka suhu negara meningkat antara 0.5 dan dua darjah celsius.

Beliau berkata impak El Nino yang kuat itu akan berterusan sehingga April dengan negeri-negeri di utara Semenanjung sudah mula menerima kesan fenomena itu.

-- BERNAMA

